

PM sanggup serah-soal kafir kepada badan fatwa

BH 9 NOV 1984

Oleh NORDIN MOHAMAD

KEMAMAN, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Umno sanggup menyerahkan kepada badan fatwa untuk mencentukan kebenaran dakwaan Pas bahawa orang-orang Umno adalah kafir.

Presiden Umno Malaysia itu berkata: "Kita yakin bahawa kita tidak kafir, kita adalah orang Islam, inilah sebabnya kita bercadang untuk mengadakan debat dengan parti itu."

Datuk Seri Dr Mahathir mengakui bahawa perdebatan itu tidak dapat menentukan sama

ada orang Umno kafir atau tidak sebab bukan hak Pas menentukan Umno kafir atau sebaliknya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan gerak kerja Wanita Umno Malaysia dan pelancaran peredaran mengarang buku kanak-kanak di Pusat Pupuk Semangat, dekat di sini hari ini.

Katanya, di negara ini ada badan tertentu untuk membuat fatwa dan mereka yang dipilih menduduki badan itu adalah orang-orang terpelajar dalam bidang-bidang Islam dan mereka diberi hak membuat fatwa.

"Apakah kelebihan Pas yang sewenang-wenangnya mengkafirkan orang lain? Adakah dia ini orang yang maksum yang tidak boleh berdosa sama sekali hingga boleh berbuat apa sahaja yang bertentangan dengan agama Islam."

Maksum

"Ada pihak lain yang boleh menentukan, kalau hendak menentukan bahawa orang-orang Umno kafir atau tidak, tetapi bukan Pas."

"Kita sanggup menyerahkan kepada badan yang bertanggungjawab untuk menentukan sama ada kita kafir atau tidak," tegas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir mensifatkan Pas sangat licin dalam

nenggunakan isu mengkafir ke atas orang-orang Umno di kalangan masyarakat, terutama di kampung-kampung untuk kepentingan politik mereka.

Katanya bila di depan Umno mereka tidak mengakui mereka mendakwa orang Umno kafir, tetapi dibelakang Umno, mereka masuk ke kampung-kampung mengkafirkan orang-orang Umno.

Perdana Menteri berkata tujuan utama debat Umno-Pas adalah untuk membuktikan kepada masyarakat seluruhnya tentang kebenaran dakwaan Pas itu. Keranaparti itu sentiasa memutarbelitkan isu itu.

"Dalam debat itu," tambahnya, "kita mahu tanya Pas soalan-isu: adakah orang-orang Umno kafir? Jangan putar-belit, jawab ya atau tidak."

"Kalau ya, sebut sebab-sebabnya dan kita boleh tunjuk dakwaan mereka tidak betul, kalau menafikan mereka mengatakan orang Umno kafir, kita ada rekod melalui peti tv untuk ditunjukkan kepada rakyat seluruhnya," ujar beliau.

Mengenai kenyataan pemimpin Pas bahawa kalau Umno berpegang

kepada ajaran Islam, maka Pas akan dibubarkan. Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bukan Umno yang perlu dipersoalkan tentang akidah itu.

"Yang perlu dipersoalkan ialah sama ada Pas berpegang kepada ajaran Islam. Jika Pas pegang kepada ajaran Islam, tidak ada perpecahan di kalangan umat Islam negara ini, tidak ada kejadian sembah-

Yang dua iman, nikah dua kali, sembelihan orang Umno tak boleh makan, pulau memulau sesama masyarakat Islam dan pelbagai lagi tidak akan berlaku."

"Yang penting dan perlu dipersoalkan oleh rakyat ialah bukan soal Umno pegang ajaran Islam, perkara Yang Perlu disoal ialah apikah Pas mahu membuang tabiat yang buruk yang ada

pada mereka.

"Kalau mereka buang tabiat itu, ketika itu Umno mungkin akan memikirkan tentang menerima Pas, bukan dia menerima kita," katanya.

Mengenai desakan beberapa pihak supaya debat Umno-Pas dibatalkan. Perdana Menteri berkata, beliau kurang faham sebab-sebab isu debat yang menjadi turn-puan mereka itu.

"Saya kurang faham kenapa perdebatan itu menjadi isu, sedangkan kegiatan Pas mengkafirkan orang-orang Umno sejak bertahun-tahun tidak ditegur," katanya.

"Adakah mereka menerima dakwaan Pas itu?"

Ketika ditemui selepas majlis itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Bukan saya yang hendak batalkan perdebatan itu."